

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA.....
RESIDEN**

BERSEMPENA DENGAN

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KOMUNITI PENCEGAHAN &
PEMANTAUAN KEBAKARAN TANAH GAMBUT DAN
KAWASAN YANG MUDAH TERBAKAR SEMPENA SAMBUTAN
HARI OZON SEDUNIA TAHUN 2024 PERINGKAT NEGERI
SARAWAK**

TARIKH:

07 SEPTEMBER 2024

TEMPAT:

RUMAH PANJANG AGING, LONG DAAH, BELAGA, SARAWAK

Salutation

Salutation

Terima kasih diucapkan kepada pengacara majlis.

1. Yang Berusaha En.
Residen Bahagian.....
- 2.
3. Yang Berusaha En. Mohamad Zaihan Bin Hj. Lek
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak
4. Yang Berusaha En.
Pegawai Daerah
5. Yang Berusaha En.
6. Yang Berusaha En.
Penghulu
7. Yang Berusaha En.
Tuai Rumah Panjang
8. Wakil/Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri
9. Para penduduk Rumah.....,dan para penduduk rumah panjang berhampiran
10. Ahli-ahli Majlis (Councillor)
11. Ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua kaum, tua-tuai rumah, JKKK rumah-rumah panjang berhampiran
12. Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin yang dihormati sekalian

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak kerana sudi menjemput saya untuk hadir merasmikan Majlis Perasmian Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Dan Kawasan Yang Mudah Terbakar Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2024 Peringkat Negeri Sarawak di Rumah Panjang Aging, Long Daah pada hari ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para jemputan, semua wakil/ketua dari agensi/ jabatan persekutuan dan negeri, JKKK Rumah Panjang Aging, Long Daah pada hari ini yang sudi meluangkan masa menghadiri program ini. Saya amat berbesar hati kerana kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi menyahut seruan Kerajaan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Hadirin sekalian,

HARI OZON SEDUNIA 2022

3. Sambutan Hari Ozon Sedunia atau World Ozone Day adalah acara tahunan yang disambut pada 16 September setiap tahun oleh 198 negara. Penglibatan masyarakat diperingkat antarabangsa di seluruh dunia di dalam usaha untuk melindungi lapisan ozon yang telah bermula semenjak tahun 1987 termasuklah Malaysia. Ia menunjukkan betapa penting dan besarnya penjagaan ozon ke atas perubahan iklim dunia.

4. Pembakaran terbuka adalah satu aktiviti yang biasa dilakukan, terutamanya dalam sektor pertanian, untuk membersihkan kawasan tanah atau mengurangkan sisa-sisa tanaman. Walau bagaimanapun, amalan ini mempunyai implikasi yang jauh lebih besar daripada sekadar kesan tempatan. Pembakaran terbuka menyumbang kepada pelepasan

gas-gas rumah kaca dan bahan pencemar yang memburukkan lagi masalah pemanasan global dan perubahan iklim. Salah satu kesan yang sering kali tidak disedari adalah kesan terhadap lapisan ozon kita.

5. Lapisan ozon, yang terletak di stratosfera, memainkan peranan yang sangat penting dalam melindungi bumi daripada sinaran ultraviolet (UV) matahari yang berbahaya. Tanpa lapisan ozon yang cukup, kehidupan di bumi akan terdedah kepada kesan-kesan buruk sinaran UV, termasuk peningkatan risiko kanser kulit, katarak mata, dan kerosakan pada ekosistem marin dan daratan.

6. Dalam menghadapi cabaran ini, peranan masyarakat sangat penting. Setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk menyokong dan melaksanakan langkah-langkah yang boleh membantu melindungi lapisan ozon. Berikut adalah beberapa langkah yang boleh kita ambil:

1. **Mengurangkan Penggunaan Bahan Kimia Berbahaya:** Bahan seperti klorofluorokarbon (CFC) yang terdapat dalam produk-produk seperti penyembur aerosol dan peti sejuk lama boleh merosakkan lapisan ozon. Pilih produk yang tidak mengandungi bahan-bahan ini dan pastikan kita melupuskan peralatan lama dengan cara yang betul.
2. **Menyokong dan Mengamalkan Teknologi Hijau:** Pilih produk dan perkhidmatan yang mesra alam dan gunakan tenaga yang boleh diperbaharui. Teknologi hijau, seperti sistem penapis udara dan penjana tenaga solar, membantu mengurangkan kesan pencemaran dan melindungi lapisan ozon.
3. **Kurangkan Penggunaan Kenderaan Peribadi:** Penggunaan kenderaan yang berlebihan menyumbang kepada pencemaran udara dan pelepasan gas rumah kaca. Gunakan pengangkutan

awam, berkongsi kenderaan, atau beralih kepada kenderaan yang lebih mesra alam untuk mengurangkan pencemaran.

4. **Menjaga Alam Sekitar Tempatan:** Mengamalkan amalan pengurusan sisa yang baik, seperti pengasingan dan kitar semula, boleh membantu mengurangkan pembakaran sisa dan pelepasan bahan kimia berbahaya ke atmosfera.
5. **Meningkatkan Kesedaran dan Pendidikan:** Sebarkan maklumat tentang kepentingan melindungi lapisan ozon kepada keluarga, rakan-rakan, dan komuniti. Pendidikan dan kesedaran adalah kunci untuk menggalakkan tindakan bersama dalam menjaga alam sekitar.
6. **Menyokong Dasar dan Inisiatif Alam Sekitar:** Sokong dasar-dasar dan inisiatif yang bertujuan melindungi lapisan ozon dan mengurangkan pencemaran. Suara anda sebagai pengundi dan penyokong adalah penting dalam mempengaruhi keputusan yang diambil oleh pihak berkuasa.

Sebagai masyarakat, kita mempunyai tanggungjawab bersama untuk melindungi lapisan ozon demi kebaikan generasi akan datang. Setiap tindakan, sekecil mana pun, mempunyai impak yang besar jika dilaksanakan secara kolektif. Dengan kerjasama dan kesedaran yang tinggi, kita boleh memastikan bahawa lapisan ozon kekal sihat dan berfungsi dengan baik untuk melindungi kehidupan di bumi.

Hadirin sekalian,

7. Dalam usaha kita melindungi lapisan ozon, kita juga secara tidak langsung menyelamatkan semua hidupan di bumi. Selain itu, ia juga menyumbang kepada planet yang lebih baik.

8. Saya percaya dan sentiasa menaruh harapan supaya semua lapisan masyarakat turut berganding bahu untuk bersama-sama dalam usaha melestarikan alam sekitar serta memberikan komitmen sepenuhnya dalam mematuhi apa jua peruntukan perundangan pengurusan alam sekitar yang terdapat di Negeri Sarawak khususnya dan di Malaysia umumnya.

PEMBAKARAN TERBUKA DAN PENCEMARAN UDARA

9. Pembakaran terbuka merupakan antara penyumbang utama terhadap kemerosotan kualiti udara yang boleh memudaratkan kesihatan awam dan menjejaskan ekonomi. Cuaca panas dan kering ketika ini menyebabkan risiko tinggi berlakunya kebakaran di kawasan-kawasan yang mudah terbakar seperti kawasan pertanian tanah gambut dan tapak pelupusan sampah. Pembakaran hasil sisa perladangan dan juga sampah secara terbuka dapat melepaskan pelbagai pencemar ke udara dan menyumbang kepada masalah Jerebu.

Dalam kehidupan seharian, manusia sangat bergantung kepada udara dan amat sukar untuk menyatakan bahawa keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan manusia tidak bergantung sepenuhnya kepada kemampanan alam sekitar. Hal ini kerana alam sekitar yang mampan mampu menawarkan suasana yang menjamin kesejahteraan kesihatan. Namun, kesan negatif akibat daripada proses pembangunan yang semakin pesat telah menyebabkan pencemaran alam sekitar khususnya udara yang mendatangkan kesan negatif yang menggugat kesihatan manusia. Justeru, semua pihak perlu menjalankan obligasi masing-masing dalam memastikan pencemaran udara dibendung dan setiap tindakan kita tidak menyumbang kepada untuk berlakunya pencemaran. Antara lain, setiap dari kita perlu bersikap proaktif dan saling bantu-membantu untuk mengelakkan episod pencemaran udara.

Hadirin sekalian,

PENUTUP

10. Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab kita sebagai penduduk di bumi ini khususnya negara kita Malaysia bagi memastikan alam sekitar terpelihara agar manfaatnya dapat dirasai generasi masa depan. Harapan saya agar program seperti ini dapat diteruskan lagi di masa-masa akan datang pengisian-pengisian program yang lebih pelbagai serta memberikan impak yang lebih besar.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak. Terima kasih juga ditujukan kepada semua agensi-agensi kerajaan dan para penduduk yang terlibat bagi menjayakan Sambutan Hari Ozon Sedunia pada hari ini. Semoga Sambutan Hari Ozon Sedunia pada tahun ini dapat menyemai dan meningkatkan kesedaran kita semua untuk sama-sama menjaga alam sekitar untuk manfaat kita bersama. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Program Komuniti Pencegahan & Pemantauan Kebakaran Tanah Gambut Dan Kawasan Yang Mudah Terbakar Sempena Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2024 Peringkat Negeri Sarawak

“ALAM SEKITAR, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Sekian, terima kasih.